

UNTUK SIARAN SEGERA

6 Disember 2018

Hubungi:

Jessica Kornfeind

Koordinator Pemasaran

668 Stony Hill Rd, Suite 305,

Yardley, Pennsylvania, 19067

Tel: 844-232-4816

LogoDesign.net melancarkan pertandingan biasiswa untuk pelajar rekaan grafik di Malaysia

KUALA LUMPUR, Malaysia - LogoDesign.net, sebuah syarikat rekaan dalam talian, melancarkan sebuah pertandingan biasiswa baru-baru ini, khusus untuk para pelajar rekaan grafik yang berpangkalan di Malaysia.

Para peserta mesti rakyat Malaysia dan berumur 18 ke atas. Mereka mesti mendaftar di kolej atau universiti di Malaysia dan GPA tidak kurang daripada 2.5.

Tarikh akhir pertandingan ini pada 12 tengah malam 10 Januari 2019 waktu Timur Amerika Syarikat. Pemenang akan dianugerahkan wang tunai RM2, 100.

Untuk menyertai, para pelajar perlu mereka sebuah logo, simbol atau lambang berdasarkan persepsi mereka mengenai tema 'Bersekutu Bertambah Mutu'. Setiap peserta hanya boleh menghantar satu penyertaan sahaja. Setiap rekaan mesti asli, dan tidak diperolehi atau diciplak daripada sumber dalam talian atau luar talian di Malaysia atau mana-mana tempat lain.

Grafik yang dihasilkan juga tidak boleh sama atau menyalin Jata Negara Malaysia. Peserta boleh memasukkan beberapa elemen daripadanya atau mencipta sesuatu yang baharu tetapi tidak sepatutnya menirunya.

Pertandingan ini merupakan sebuah peluang besar bagi para pelajar mempelajari pengalaman sendiri bagaimana industri rekaan grafik beroperasi.

Setiap penyertaan akan diadili berdasarkan kepada kemampuan peserta untuk menuruti garis panduan, mematuhi ikhtisar kreatif, kemahiran penyelidikan dan penggunaan kemahiran rekaan grafik yang dipelajari, input dan persepsi kreatif dan juga kemampuan pelajar untuk menerangkan tentang diri mereka melalui rekaan visual.

Para juri untuk pertandingan ini ialah Tong Yin Ang, Dekan Pusat Seni dan Rekaan (ICAD) Kolej INTI, Tan I-Ching, Ketua Komunikasi Visual Institut Seni Malaysia dan Zaheer Dodhia, Ketua Eksekutif LogoDesign.net.

Dodhia berkata: "Apabila kami memulakan inisiatif ini, kami mahu melihat bagaimana bakal pereka Malaysia memberi respons kepada cabaran dengan

pengetahuan kreatif yang mereka pelajari di kolej dan membawa mereka bersama-sama melalui sesuatu yang semua rakyat Malaysia sudah biasa. Dengan sedikit penyelidikan, kami mendapati bahawa rakyat Malaysia sangat patriotik dan berbangga dengan kepelbagaian budaya mereka. “Bersekutu Bertambah Mutu” hadir sebagai pilihan ideal yang akan bergema pada peringkat sosial, budaya dan rekaan.”

Untuk mengetahui lebih maklumat dan kriteria lanjut pertandingan ini, para pelajar boleh melayari: <https://www.logodesign.net/contest/malaysia-scholarship>

Mereka mesti membaca Terma dan Syarat di situ sebelum menghantar penyertaan.

Tentang LogoDesign.net

LogoDesign.net merupakan sebuah alat dalam talian yang membenarkan para pengguna untuk mencipta rekaan logo hebat di mana sahaja, melalui 3 langkah mudah. Para pengguna boleh memilih lebih 6,000 rekaan berkualiti tinggi. LogoDesign.net ditubuhkan oleh Zaheer Dodhia, seorang usahawan bersiri yang telah mengetuai pelbagai projek lebih dari 20 tahun, kebanyakannya berkaitan dengan pembangunan perisian. Syarikat ini berpangkalan di Pennsylvania, Amerika Syarikat.

###